KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PELAN TINDAKAN
WARGA EMAS NEGARA
2026 – 2030

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PELAN TINDAKAN
WARGA EMAS NEGARA
2026 – 2030

SENARAI KANDUNGAN

AKRONIM		4
PRAKATA MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT		5
PRAKATA TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT		6
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT		7
TAKRIFAN		8
PENGENALAN		9
MEKANISME PELAKSANAAN DASAR WARGA EMAS NEGARA DAN PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA		10
PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA 2026-2030		13
TERAS 1	**: Promosi dan Advokasi**	15
STRATEGI 1	: Meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran mengenai isu penuaan, hak warga emas dan tanggungjawab anak-anak.	17
STRATEGI 2	: Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan penjawat awam, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas	19
STRATEGI 3	: Mengarus perdana isu penuaan dalam program pembangunan negara	21
STRATEGI 4	: Penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)	22
TERAS 2	**: Pembelajaran Sepanjang Hayat**	23
STRATEGI 1	: Meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat	25
STRATEGI 2	: Menambah baik dan membangunkan infrastruktur untuk pembelajaran sepanjang hayat	26
TERAS 3	**: Keselamatan dan Perlindungan**	27
STRATEGI 1	: Mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas	29
STRATEGI 2	: Memperkukuhkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan *(vulnerable)*	32
STRATEGI 3	: Memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas	33
STRATEGI 4	: Meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas	35
STRATEGI 5	: Memperkasa skim bantuan sosial untuk warga emas	36
STRATEGI 6	: Memantapkan tadbir urus Penjagaan Jangka Panjang/ *Long-Term Care* (LTC) yang bersepadu	37

TERAS 4	**: Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab**	39
STRATEGI 1	: Meningkatkan akauntabiliti di pelbagai peringkat	41
STRATEGI 2	: Meningkatkan kapasiti organisasi	42
STRATEGI 3	: Meningkatkan perkongsian tanggungjawab di pelbagai peringkat untuk kesejahteraan warga emas	43
STRATEGI 4	: Memantapkan tadbir urus sistem penguatkuasaan peraturan serta undang-undang berkaitan warga emas	44
TERAS 5	**: Penglibatan dan Kesepaduan antara Generasi**	45
STRATEGI 1	: Mengeratkan hubungan antara generasi	47
STRATEGI 2	: Mengarusperdanakan warga emas dalam masyarakat	48
TERAS 6	**: Penyelidikan dan Pembangunan**	49
STRATEGI 1	: Menggalakkan penyelidikan dalam pelbagai bidang bagi menangani isu dan cabaran penuaan	51
STRATEGI 2	: Meningkatkan pemantauan dan penilaian ke atas program / projek / penyelidikan dan pembangunan (R&D) / produk / kajian	53
SEKALUNG PENGHARGAAN		54

AKRONIM

APJ	Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]
ASD	*Alternative Service Delivery*
BDPS	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
BHA	Bahagian Hubungan Antarabangsa
BKS	Bahagian Kolaborasi Strategik
BWE	Bantuan Warga Emas
CBO	Organisasi dalam komuniti
DWEN	Dasar Warga Emas Negara
HRD Corp	*Human Resource Development Corporation*
ISM	Institut Sosial Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPWEN	Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri
KBDR	Khidmat Bantu Di Rumah
KD	Kementerian Digital
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KK	Kementerian Komunikasi
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MOF	Kementerian Kewangan
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MPPWEN	Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara
MQA	*Malaysian Qualifications Agency*
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PAHFAS	Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 [Akta 802]
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PTWEN	Pelan Tindakan Warga Emas Negara
UKK	Unit Komunikasi Korporat
UPWE	Unit Penyayang Warga Emas

Prakata

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah SWT, Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2026–2030 berjaya dihasilkan dengan kerjasama pelbagai pihak. Dokumen ini amat penting dalam memastikan kesejahteraan warga emas di Malaysia terus terjamin — kerana isu warga emas bukan sekadar dasar, tetapi tanggungjawab bersama setiap keluarga dan komuniti.

Menjelang tahun 2036, Malaysia bakal mencapai status negara tua, apabila penduduk berusia 60 tahun dan ke atas mencecah 15% daripada jumlah populasi. Ini adalah berdasarkan Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060, Jabatan Perangkaan Malaysia yang diterbitkan pada Julai 2025. Perubahan ini memerlukan tindakan menyeluruh dan bersepadu agar warga emas dapat hidup sihat, aktif, dan dihargai sebagai aset penting pembangunan negara.

Sebagai persediaan awal menangani isu penuaan penduduk, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan PTWEN yang mendokong lima (5) dimensi utama iaitu penuaan sihat, penuaan aktif, penuaan produktif, penuaan positif dan penuaan menyokong. Ia bukan sahaja menekankan penyediaan dasar dan perkhidmatan yang responsif, malah menggariskan pelan tindakan konkrit untuk dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan.

PTWEN 2026–2030 dibangunkan berasaskan prinsip Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Madrid International Plan of Action on Ageing (MIPAA). Di peringkat kebangsaan, pelan tindakan ini juga dibangunkan secara komprehensif dan dijajarkan dengan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan/ National Ageing Blueprint (NAB) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang turut memberi penekanan kepada persediaan menuju masyarakat yang menua dengan bermaruah.

Saya yakin kejayaan pelaksanaan pelan ini bergantung pada komitmen serta kerjasama erat daripada pelbagai pihak – agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan, institusi akademik, komuniti dan juga keluarga. Hanya melalui kerjasama erat ini, kita dapat memastikan warga emas menikmati kehidupan yang sejahtera, dihormati, dan terus menyumbang kepada kemajuan negara.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam pembangunan PTWEN 2026–2030 ini. Semoga pelan ini menjadi panduan dan rujukan bersama dalam usaha kita membina sebuah masyarakat inklusif yang menghargai, menghormati dan menyantuni warga emasnya.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri

Prakata

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2026–2030 dapat diterbitkan sebagai dokumen penting yang menyokong aspirasi Dasar Warga Emas Negara (DWEN).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060, Malaysia dijangka mencapai status "negara tua" menjelang 2036 apabila jumlah warga emas berumur 60 tahun dan ke atas melebihi 15% daripada populasi. Fenomena ini membawa cabaran besar yang memerlukan perancangan rapi serta kerjasama menyeluruh. Namun, cabaran ini perlu dijadikan sebagai peluang untuk memperkukuh dasar sosial, membangunkan ekosistem sokongan yang inklusif, serta memanfaatkan pengalaman dan kebijaksanaan warga emas sebagai aset berharga dalam pembangunan negara.

Seiring dengan peningkatan jangka hayat dan perubahan struktur umur penduduk, isu berkaitan warga emas perlu ditangani dengan pendekatan yang holistik. Warga emas bukan sekadar dilihat sebagai penerima bantuan atau penjagaan, tetapi berpotensi untuk terus menyumbang dalam pelbagai bidang sekiranya diberikan ruang, peluang dan sokongan yang sewajarnya.

Pelan tindakan ini menekankan kepentingan tanggungjawab bersama – kerajaan menyediakan dasar, fasiliti dan perkhidmatan; masyarakat serta pihak swasta menawarkan sokongan dan inovasi; manakala keluarga terus memainkan peranan sebagai pelindung dan sumber utama sokongan serta kasih sayang terhadap warga emas.

Harapan saya agar PTWEN 2026–2030 menjadi landasan bersama untuk memupuk sinergi antara kerajaan, agensi berkaitan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan komuniti dalam memastikan warga emas dihargai, dilindungi dan terus berperanan aktif dalam arus pembangunan negara.

Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad

Prakata

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kerajaan telah memulakan langkah awal dalam persediaan menghadapi negara tua dengan meletakkan kebajikan dan kepentingan warga emas sebagai keutamaan. Ini adalah bagi mendepani cabaran penuaan penduduk, usaha bersepadu perlu digembleng dalam merangka pelan dan strategi yang komprehensif. Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara, sesebuah negara menjadi negara tua apabila 15% daripada jumlah penduduk adalah penduduk berumur 60 tahun dan lebih. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Unjuran Penduduk Malaysia 2020-2060, Malaysia diunjurkan mencapai tahap ini pada tahun 2036.

Program pembangunan yang inklusif dan menyeluruh amat perlu dengan mengambil kira dinamik perubahan corak kehidupan semasa. Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) ini merupakan komitmen kerajaan ke arah mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati serta mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong peningkatan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026 – 2030 telah berjaya dihasilkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kementerian, jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri yang telah terlibat dalam memberikan kerjasama, input serta pandangan sehingga pelan strategi ini dapat dibangunkan.

Saya yakin PTWEN baharu ini akan menjadi platform anjakan paradigma terhadap isu-isu warga emas serta bersifat holistik dan bersesuaian dengan situasi semasa di negara ini dan pada masa akan datang.

Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff

TAKRIFAN

WARGA EMAS

Merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna (PBB, 1982) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN.

PENUAAN SIHAT

Penuaan sihat merujuk kepada usaha ke arah gaya hidup sihat dan membentuk sistem kesihatan yang lebih baik serta mewujudkan persekitaran dan komuniti yang mengutamakan kesihatan.

PENUAAN POSITIF

Penuaan positif merujuk kepada pegangan kepercayaan dan nilai positif yang menjadi tunjang kehidupan dan jati diri warga emas sebagai panduan dalam kehidupan serta sikap dan pandangan positif terhadap penuaan.

PENUAAN AKTIF

Penuaan aktif merujuk kepada proses mengoptimumkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah mendayaupayakan warga emas untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Aspek ini merangkumi kuantiti, kualiti dan skop jaringan sosial, peranan timbal balik dan hubungan antara generasi yang wujud sepanjang hayat.

PENUAAN PRODUKTIF

Penuaan produktif merujuk kepada kapasiti penglibatan warga emas untuk menyumbang dalam bentuk aktiviti kerja bergaji atau sukarela yang dapat memberi makna dan kepuasan.

PENUAAN MENYOKONG

Penuaan menyokong merujuk kepada persekitaran dalaman dan luaran yang mesra warga emas bagi membolehkan warga emas berfungsi dengan baik. Persekitaran yang memboleh dan membantu dapat mengurangkan ketidakupayaan yang dialami individu dan akan menggalakkan penglibatan warga emas dalam masyarakat. Aspek ini juga mengambil kira penggunaan teknologi bagi membantu warga emas hidup berdikari.

KESEJAHTERAAN

Kesejahteraan dalam konteks dasar ini merangkumi 5 dimensi utama iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan aktif), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong). Warga emas akan hidup dengan sejahtera apabila dapat menikmati keseimbangan dalam kelima-lima dimensi ini.

PENGENALAN

Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara, sesebuah negara menjadi negara tua apabila 15 peratus daripada jumlah penduduk adalah penduduk berumur 60 tahun dan lebih. Malaysia dijangka mencapai status ini menjelang 2036 (Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Perubahan struktur demografi ini berlaku dengan pantas kesan peningkatan jangka hayat dan kemerosotan kadar kesuburan penduduk.



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membangunkan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara pada tahun 1998. Dasar dan Pelan Tindakan ini telah disemak, dikemaskini dan digantikan dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) pada tahun 2011.

PTWEN 2026-2030 ini adalah hasil semakan semula dalam usaha untuk memantapkan aspek penjagaan dan kebajikan warga emas selaras dengan penekanan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dan merealisasikan Agenda Negara Menua.

MEKANISME PELAKSANAAN

DASAR WARGA EMAS NEGARA & PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA

Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) merupakan agenda tetap dalam mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN). Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kebajikan warga emas.

Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPWKM ditubuhkan bagi merangka, melaksana, memantau dan menilai program-program yang digariskan di bawah DWEN dan PTWEN. Jawatankuasa Teknikal ini akan dibantu oleh 7 Jawatankuasa Kecil.

Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas di peringkat negeri dan daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan akan turut memantapkan usaha pelaksanaan dan pemantauan DWEN dan PTWEN di peringkat akar umbi.



No.	Jawatankuasa Kecil	Kementerian/ Agensi
1.	Kesihatan	Kementerian Kesihatan Malaysia
2.	Sosial & Rekreasi	Jabatan Kebajikan Masyarakat
3.	Pendidikan & Kerohanian	Kementerian Pendidikan Tinggi
4.	Perumahan & Persekitaran	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
5.	Ekonomi	Kementerian Ekonomi
6.	Pekerjaan	Kementerian Sumber Manusia
7.	Penyelidikan & Pembangunan	Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Rajah 1 : Struktur Organisasi MPPWEN

Rajah 1 menunjukkan struktur organisasi untuk merealisasikan DWEN dan PTWEN melalui Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN). Keanggotaan dalam Majlis ini terdiri daripada wakil Kementerian berkaitan, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan serta pakar dalam bidang berkaitan dengan warga emas. Majlis ini akan menerima laporan daripada Jawatankuasa Teknikal dan juga bertanggungjawab mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan PTWEN. Urus setia kepada Majlis ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

WARGA EMAS HIDUP SEJAHTERA

DASAR WARGA EMAS NEGARA

5 DIMENSI PENUAAN

SIHAT | POSITIF | AKTIF | PRODUKTIF | MENYOKONG

Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Kesejahteraan dalam konteks dasar ini merangkumi **5 dimensi utama** iaitu dimensi kesihatan (penuaan sihat), sosial (penuaan menyokong), ekonomi (penuaan produktif), kerohanian (penuaan positif) dan persekitaran (penuaan menyokong). Warga emas akan hidup sejahtera apabila dapat menikmati keseimbangan dalam kelima-lima dimensi ini.

PELAN TINDAKAN
WARGA EMAS NEGARA
2026-2030

Rangka Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026 – 2030

MEKANISME PELAKSANAAN	**MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN WARGA EMAS NEGARA (MPPWEN)**
FOKUS	PROGRAM PEMBANGUNAN WARGA EMAS MELALUI STRATEGI SELARAS DENGAN DASAR WARGA EMAS NEGARA

JAWATANKUASA KECIL	**Kesihatan (Kementerian Kesihatan)**	**Sosial & Rekreasi (Jabatan Kebajikan Masyarakat)**	**Pendidikan & Kerohanian (Kementerian Pendidikan Tinggi)**	**Perumahan & Persekitaran (Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan)**	**Ekonomi (Kementerian Ekonomi)**	**Pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia)**	**Penyelidikan & Pembangunan (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)**

DASAR UTAMA	DASAR WARGA EMAS NEGARA

TERAS	**01 Promosi & Advokasi**	**02 Pembelajaran Sepanjang Hayat**	**03 Keselamatan & Perlindungan**	**04 Tadbir Urus & Perkongsian Tanggungjawab**	**05 Penglibatan & Kesepaduan Antara Generasi**	**06 Penyelidikan & Pembangunan**
STRATEGI	1. Meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran mengenai isu penuaan, hak warga emas dan tanggungjawab anak-anak. 2. Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan penjawat awam, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas. 3. Mengarus perdana isu penuaan dalam program pembangunan. 4. Penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN).	1. Meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat. 2. Menambah baik dan membangunkan infrastruktur untuk pembelajaran sepanjang hayat.	1. Mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas. 2. Memperkukuhkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan (*vulnerable*). 3. Memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas. 4. Meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas. 5. Memperkasa skim bantuan sosial untuk warga emas. 6. Memantapkan tadbir urus Penjagaan Jangka Panjang/ *Long-Term Care* (LTC) yang bersepadu.	1. Meningkatkan akauntabiliti di pelbagai peringkat. 2. Meningkatkan kapasiti organisasi. 3. Meningkatkan perkongsian tanggungjawab di pelbagai peringkat untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas. 4. Memantapkan tadbir urus sistem penguatkuasaan peraturan serta undang-undang berkaitan warga emas.	1. Mengeratkan hubungan timbal balik antara generasi. 2. Mengarus perdanakan warga emas dalam masyarakat.	1. Menggalakkan penyelidikan dalam pelbagai bidang bagi menangani isu dan cabaran penuaan. 2. Meningkatkan pemantauan dan penilaian ke atas program/ projek/ *Research and Development* (R&D)/ produk/ kajian.

DOKUMEN RUJUKAN	***Madrid International Plan of Action on Ageing 2002* (MIPAA)**	***Kuala Lumpur Declaration on Ageing 2015***	***Sustainable Development Goals***	**Pelan Strategik KPWKM 2021-2025**

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

Teras ini memberi tumpuan kepada usaha berterusan untuk memupuk kesedaran mengenai isu dan cabaran penuaan dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Promosi mengenai penuaan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan sensitiviti dan keprihatinan orang ramai supaya melihat penuaan sebagai proses kumulatif yang berlaku sepanjang hayat.

Warga emas perlu dipromosi sebagai aset negara yang boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara. Aktiviti promosi juga merangkumi pembangunan keupayaan *(capacity building)* melalui latihan dan kemahiran mengenai warga emas dalam kalangan pelaksana dasar serta pembekal perkhidmatan. Pelaksana dasar perlu lebih proaktif manakala pembekal perkhidmatan pula perlu sedar tentang kesan penuaan pada komuniti setempat. Selain itu, advokasi untuk mengetengahkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga emas masa kini dan akan datang perlu dilaksanakan melalui gabungan golongan pakar dan kumpulan sokongan.

TERAS
1

PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF	Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua

STRATEGI 01	Meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran mengenai isu penuaan, hak warga emas dan tanggungjawab anak-anak
STRATEGI 02	Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan kakitangan Kerajaan, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas
STRATEGI 03	Mengarus perdana isu penuaan dalam program pembangunan negara
STRATEGI 04	Penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)

"Today, most people, even in the poorest countries, are living longer lives. But this is not enough. We need to ensure these extra years are healthy, meaningful and dignified."

— World Health Organization (WHO), World Report on Ageing and Health, 2015

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF — **Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua**

STRATEGI 1 — **Meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran mengenai isu penuaan, hak warga emas dan tanggungjawab anak-anak**

PROGRAM / INISIATIF

	PROGRAM / INISIATIF	KPI: INDIKATOR	KPI: SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
1	Mengadakan Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan setiap tahun	Bilangan sambutan	1 sambutan setiap tahun	2026-2030	KPWKM (JKM)
2	Penganugerahan tokoh warga emas sempena sambutan Hari Warga Emas	Penganugerahan tokoh warga emas sempena sambutan Hari Warga Emas	1 anugerah tokoh warga emas setiap tahun	2026-2030	KPWKM (JKM)
3	Mewujudkan pelan komunikasi strategik berkaitan negara menua	Bilangan pelan komunikasi strategik yang mempunyai elemen negara menua	1 pelan komunikasi strategik	2026-2030	KPWKM (UKK)
4	Menggalakkan keperluan warga emas diambil kira dalam setiap penyediaan dasar, peraturan atau garis panduan di semua Kementerian/ Agensi di pelbagai peringkat	Bilangan dasar, peraturan dan garis panduan	1 dasar/ peraturan/ garis panduan yang mempunyai elemen warga emas	2026-2030	KPWKM (BDPS)

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF

Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua

STRATEGI 1

Meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran mengenai isu penuaan, hak warga emas dan tanggungjawab anak-anak

PROGRAM / INISIATIF

5 **Menjalankan program/ forum/ dialog/ kempen berkaitan warga emas melalui media massa dan media sosial**

KPI			
INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Bilangan program/ forum/ dialog/ kempen kesedaran/ slot penyiaran yang dijalankan	2 kali setahun	2026-2030	Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara

6 **Mewujudkan program promosi galakan penyertaan warga emas dalam pembelajaran sepanjang hayat**

KPI			
INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Bilangan program	1 program setiap tahun	2026-2030	KPT

7 **Menggalakkan anak- anak/ penjaga mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa melalui pelepasan cukai pendapatan bagi rawatan dan penjagaan ibu bapa/ datuk nenek**

KPI			
INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Bilangan insentif dan layanan cukai bagi rawatan dan penjagaan ibu bapa/ datuk nenek	1 insentif dan layanan cukai	2026-2030	MOF

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF — **Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua**

STRATEGI 2 — **Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan kakitangan Kerajaan, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas**

PROGRAM / INISIATIF

		KPI: INDIKATOR	KPI: SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
1	Memperluaskan advokasi mengenai keperluan dan kepentingan latihan kemahiran penjagaan warga emas kepada penjaga formal dan tidak formal	Bilangan program advokasi mengenai latihan kemahiran penjagaan warga emas	1 program advokasi setiap tahun	2026-2030	KPWKM (ISM) (JKM)
2	Mengukuhkan kolaborasi sektor-sektor awam, swasta dan masyarakat setempat untuk advokasi menghadapi negara tua	Bilangan program kerjasama	1 program kerjasama setiap tahun	2026-2030	Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara
3	Mewujudkan peluang pekerjaan kepada warga emas	Peratus pekerja dalam kalangan warga emas	3.5% pekerja dalam kalangan warga emas di sektor swasta	2026-2030	KESUMA
4	Meningkatkan penglibatan NGO dan sektor swasta untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dalam program pembangunan warga emas secara berterusan	Bilangan sesi libat urus	4 sesi libat urus setiap tahun	2026-2030	Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF — **Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua**

STRATEGI 2 — **Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan kakitangan Kerajaan, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas**

PROGRAM / INISIATIF

5 Memberi pengiktirafan kepada CBO, NGO dan pihak swasta untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat berhubung program pembangunan warga emas secara berkala dan berterusan (termasuk surat, sijil)

KPI – INDIKATOR	KPI – SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Bilangan pengiktirafan/ kategori yang diberikan	5 pengiktirafan/ kategori diberikan setiap tahun	2026-2030	Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara

6 Penglibatan sukarelawan dalam program warga emas

*sumber data daripada pendaftaran sukarelawan di JKM (Sistem e-komuniti)

KPI – INDIKATOR	KPI – SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Peratus peningkatan bilangan sukarelawan	Peningkatan 5% bilangan sukarelawan setiap tahun	2026-2030	KPWKM (JKM)

7 Mengembangkan penggunaan *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) dan Recognition of Prior Learning (RPL)*

KPI – INDIKATOR	KPI – SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Peratus peningkatan bilangan saluran untuk penyebaran maklumat tentang APEL dan RPL	Peningkatan 20% dalam bilangan saluran untuk penyebaran maklumat tentang APEL dan RPL dalam tempoh 5 tahun	2026-2030	KPT

8 Meningkatkan kapasiti NGO melalui latihan kemahiran advokasi

KPI – INDIKATOR	KPI – SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
Bilangan latihan	1 latihan setiap tahun	2026-2030	KPWKM (ISM)

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF — **Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua**

STRATEGI 3 — **Mengarus perdana isu penuaan dalam program pembangunan negara**

PROGRAM / INISIATIF

		KPI: INDIKATOR	KPI: SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
1	Menjalankan kursus penuaan secara berterusan	Bilangan kursus yang dijalankan	2 kali setahun	2026-2030	KPWKM (ISM)
2	Meluaskan perkhidmatan di bawah JKM untuk pembangunan warga emas: - pengoperasian institusi - pelaksanaan program warga emas - MPPWEN - pelaksanaan ASD - Wang Saku Institusi Warga Emas - PAWE - UPWE - Penerima BWE - KBDR - Pusat Jagaan Warga Emas	Peratus peningkatan penerima manfaat	5% peningkatan penerima manfaat setiap tahun	2026-2030	KPWKM (JKM)
3	Memasukkan aktiviti berkaitan penuaan dalam takwim agensi berkaitan	Bilangan agensi	7 agensi	2026-2030	KPWKM (BDPS)

TERAS 1
PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF

Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua

STRATEGI 4

Penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)

PROGRAM / INISIATIF

		KPI			
		INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/ AGENSI PENERAJU
1	Menjalankan program penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) menerusi: - Kempen - Jerayawara - Iklan; dan - Sesi perkongsian	Bilangan program penerangan	2 program penerangan dijalankan setiap tahun di setiap negeri	2026-2030	KPWKM (BDPS)
2	Mewujudkan portal yang melibatkan maklumat berkaitan warga emas termasuk maklumat berkaitan DWEN dan PTWEN dalam sistem e-WE	Bilangan portal	1 portal rasmi berkaitan warga emas	2026-2028	KPWKM (JKM)
3	Mewujudkan aplikasi digital berkaitan warga emas yang mengandungi maklumat berkaitan DWEN dan PTWEN	Bilangan aplikasi	1 aplikasi berkaitan warga emas	2026-2028	KPWKM (JKM)
4	Membangunkan sistem penyedia latihan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di peringkat kebangsaan dengan memasukkan perkara berkaitan DWEN dan PTWEN	Bilangan sistem penyedia latihan	1 sistem latihan PSH secara dalam talian	2026-2030	KPT

TERAS 2
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Teras ini memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Teras ini memfokuskan kepada pelaburan modal insan yang memberi tumpuan kepada persediaan awal dan tindakan pencegahan serta usaha untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas masa kini dan masa hadapan.

Semua program yang berkaitan dengan pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat perlu menekankan penerapan nilai murni, keseimbangan ekonomi, kesihatan, sosial, persekitaran fizikal dan kerohanian. Selain itu, ruang dan peluang bagi warga emas untuk menyumbang dalam program pembelajaran dan pengajaran, perkongsian pengalaman dan penyampaian ilmu serta kemahiran perlu diutamakan supaya peranan dan status mereka dapat dikekalkan dalam masyarakat.

TERAS
2

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

OBJEKTIF Memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat

STRATEGI 01 Meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat

